

## Tahap Pengetahuan dan Persepsi Pelajar terhadap Pengajian Hadith di Universiti Sultan Zainal Abidin

The Level of Student Knowledge and Perception of Hadith Studies at  
Universiti Sultan Zainal Abidin

NUR SYAHADAH MOHAMED  
MOHD AKIL MUHAMED ALI

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk meneliti persepsi dan pengetahuan pelajar terhadap pengajian hadith, persepsi mereka terhadap metode pengajian dan mengamati masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pengajian hadith. Kepentingan kajian ini adalah untuk mendedahkan bentuk pelaksanaan pengajian hadith dan metode yang digunakan dalam pembelajaran. Kajian ini dijalankan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA,) Kuala Terengganu dengan penglibatan seramai 123 orang pelajar peringkat diploma di Fakulti Kontemporari Islam (FKI) meliputi jabatan yang berlainan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang berbentuk soal selidik. Data dianalisis secara secara deskriptif untuk mengenal pasti sistem pengajian hadith dalam kalangan pelajar UniSZA. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi keseluruhan item soal selidik adalah tinggi, iaitu 0.802. Hasil kajian mendapati tahap kefahaman dan pengetahuan pelajar terhadap pengajian hadith ialah sebanyak 4.23 dan min tahap persepsi pelajar terhadap metodologi pensyarah dalam pengajian hadith ialah sebanyak 4.09. Hasil kajian ini turut menunjukkan pensyarah menggunakan kepelbagaiannya metode pengajaran seperti kuliah, tutorial, perbincangan di dalam kelas dan penggunaan alat bantu mengajar. Bagi memastikan para pelajar dapat menguasai ilmu hadith dengan sebaik mungkin, kajian ini turut mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak tertentu.*

*Kata kunci:* Pengetahuan pelajar; persepsi pelajar; pengajian hadith; pengajian Islam di Terengganu

### ABSTRACT

*The purpose of this article is to examine student perception and knowledge of hadith studies, their perception of study methods and observe problems faced by students in hadith studies. The importance of this research is to reveal the form of implementing hadith studies and the methods used in learning. This research is done at the Faculty of Contemporary Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA,) Kuala Terengganu, involving 123 diploma students from different departments. Research uses a quantitative method in the form of questionnaire. Data is descriptively analysed to identify the system of hadith studies among UniSZA students. The Alpha Cronbach reliability value for the whole of questionnaire items is high at 0.802. Research results find that the level of student comprehension and knowledge of hadith studies is 4.23 and the mean of student perception of lecturer's methodology in hadith studies is 4.09. Research results also show that lecturers use a variety of teaching methods such as lecture, tutorial, class discussion and teaching aids. In order to ensure that students are able to master hadith knowledge as best as possible, this research also submits some suggestions which may be utilised for the benefit of certain parties.*

*Keywords:* Student knowledge; student perception; hadith studies; Islamic studies in Terengganu

### PENGENALAN

Hadith ialah sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW, sama ada perkataan, perbuatan atau *iqrar* (persetujuan) Baginda (al-Tahhan 2012: 13) dan hadith ialah sumber kedua setelah al-Qur'an al-Karim. Allah SWT telah memerintahkan orang Mukmin supaya berpegang kepada dengan hadith Rasulullah SAW melalui ayat-ayat al-Qur'an yang amat banyak. Mereka yang tidak mahu berpegang dengan hadith Rasulullah SAW adalah bukan daripada

kalangan orang Mukmin. Hadith berperanan sebagai menjelaskan al-Qur'an dan menunjukkan cara-cara pelaksanaan isi kandungannya, seperti cara mendirikan solat, melaksanakan ibadah puasa dan mengerjakan haji serta membawa hukum-hukum lain yang tidak disebutkan oleh al-Qur'an seperti haram menikahi seseorang wanita bersama-sama dengan anak saudaranya dalam masa yang sama (Philips 2007).

Selain merupakan sumber kedua penting bagi syariat Islam selepas al-Qur'an, Sunnah Rasulullah

SAW ialah khazanah yang tidak ternilai harganya buat manusia. Sunnah Baginda ini mengandungi pelbagai macam ilmu pengetahuan, hikmat, ajaran dan panduan serta nasihat dan pedoman. Dalam usaha untuk menghayati sunnah Rasulullah SAW, pengetahuan tentang ilmu hadith tidak kurang pentingnya. Ia bukan sahaja dapat memberikan gambaran tentang proses pengumpulan hadith-hadith Baginda sehingga dapat ditatapi pada hari ini, malah akan menjadi penyuluhan dan panduan yang amat berguna dalam mengenal bentuk dan jenis hadith berkenaan kerana setiap jenis mempunyai nilainya tersendiri (al-Siba'i 2010).

Dalam sejarah pengajian Islam di tanah air, kedinamikan pengajian hadith dapat dilihat dalam perkembangannya dari satu tahap ke satu tahap seiring dengan perkembangan ilmu agama lain. Bermula dari pengajian berbentuk *halaqah* di rumah tuan guru, kemudiannya pengajian ini berkembang ke pengajian di surau dan masjid. Fasa seterusnya melahirkan institusi pengajian yang lebih teratur di pondok dengan silibus pengajian kitab hadith *turath*. Selaras dengan perkembangan sistem pengajian semasa, pengajian hadith diletakkan dalam sistem persekolahan yang beraliran agama seperti di bawah kelolaan kerajaan negeri atau pusat seperti Sekolah Menengah Agama dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, atau di bawah kelolaan masyarakat seperti Sekolah Agama Rakyat. Pengajian hadith terus berkembang subur di peringkat pengajian tinggi di Malaysia dengan pengenalan subjek al-Hadith dan ‘Ulum al-Hadith di bahagian pengajian Islam seperti Fakulti Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (Suhaimi 2006).

Pengajian hadith bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia, malahan ia telah berkembang baik dan masyarakat telah pun didedahkan dengan pengajian hadith. Walau bagaimanapun, perubahan dunia dan kepesatan teknologi sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada pengajian ilmu-ilmu Islam, termasuk juga bidang hadith. Di sesetengah tempat, bentuk kajian yang dilakukan masih terikat dengan kaedah-kaedah lama tanpa melihat kepada kaedah terkini, bahan yang diajar pula masih menggunakan sumber klasik yang masih belum *ditahqiq* atau dikemas kini. Perkara ini telah merencatkan pengajian hadith itu sendiri. Selain itu, masih terdapat kelemahan dan kekurangan dalam penguasaan ilmu hadith dalam kalangan pelajar, lantas kajian dilakukan bagi memperbaiki kelemahan yang sedia ada, khususnya di UniSZA dan di tempat lain umumnya.

Memandangkan pengajian hadith amat penting untuk disebar luas dan diajarkan agar dapat dihayati dan diamalkan sebagaimana al-Qur'an, lantas kajian ini amat perlu dijalankan. Menerusi kajian ini, pihak tertentu dapat mengambil manfaat dan langkah positif ke arah pemantapan pengajian hadith di UniSZA. Di samping itu, pihak yang terlibat dapat menyemak kurikulum hadith agar lebih terperinci dan sistematik serta dapat menambah keberkesanan dan kejayaannya, di samping menjamin masa depannya dengan segala ciri hakiki institusi pengajian Islam yang diperlukan oleh masyarakat setempat.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengkaji tahap kefahaman dan pengetahuan pelajar terhadap pengajian hadith.
2. Menjelaskan persepsi pelajar terhadap metodologi pensyarah dalam pengajian hadith.
3. Mengamati masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pengajian hadith.
4. Meneliti persepsi pelajar terhadap cara mengatasi masalah yang dihadapi dalam pengajian hadith.

## TINJAUAN LITERATUR

Sepanjang kajian ini dijalankan, beberapa buah kajian berkaitan fokus kajian ini telah ditemui, dan antaranya ialah seperti artikel jurnal yang ditulis oleh Rohaizan (2006) yang bertajuk, ‘Perkembangan Ilmu Hadith di Negeri Terengganu Darul Iman’. Antara isi perbincangan artikel tersebut ialah berkenaan pengajian hadith di beberapa buah tempat di Terengganu, antaranya ialah di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), iaitu nama lama bagi UniSZA. Walau bagaimanapun, artikel tersebut hanya membincarakan tentang silibus dan subjek yang ditawarkan bagi ilmu hadith yang diajar sahaja.

Selain itu, terdapat beberapa kajian mengenai pengajian hadith yang telah dibuat di beberapa negara lain seperti Brunei, Singapura dan Indonesia. Misalnya, kajian Hamzah (2005) dalam disertasi sarjananya yang bertajuk, ‘Kurikulum Pembelajaran Ilmu Hadith di Madrasah-Madrasah di Singapura Pada Masa Ini’. Kajian ini membincangkan kurikulum pembelajaran ilmu hadith dan mencadangkan agar sebuah dokumen ‘pengorak langkah’ yang menjelaskan kurikulum subjek tersebut dapat diwujudkan. Ini kerana matlamat kajian ini adalah untuk mendokumentasikan kurikulum pembelajaran

ilmu hadith yang ditentukan di madrasah-madrasah di Singapura pada masa ini.

Kajian tesis sarjana Che Samsudin (2004) yang berjudul, ‘Pengajian Hadith di Kelantan: Satu Kajian di Institusi Pengajian Pondok’ mendedahkan pengertian hadith dan ilmu hadith, diikuti sejarah perkembangan pengajian hadith di Kelantan dan menceritakan mengenai pengaruh pengajian hadith di institusi pengajian pondok. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya membuat tinjauan di beberapa institusi pondok seperti Pondok Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah. Sementara itu, menerusi kajian yang berjudul, ‘Pengajian Hadith dalam KBSM: Kajian Terhadap Metodologi Pengajaran di SMK Pauh Jaya Pulau Pinang’ oleh Mohd Akhir (2008) telah mengemukakan langkah pengajaran hadith oleh guru-guru terbabit seperti kaedah syarahan, penyoalan lisan, perbincangan, pengulangan, pemberian latihan, kaedah penceritaan, pemberian nota catatan serta pengajaran yang berpandukan alat bantu mengajar dalam pengajaran hadith. Tesis sarjana ini juga mencadangkan agar pihak yang berkenaan dapat memastikan kelangsungan pengajian hadith dalam arus pendidikan kebangsaan. Kajian ini turut mencadangkan agar bidang khusus bagi pengajian hadith dapat diwujudkan dalam subjek Pendidikan Islam agar pengajarannya lebih terbuka dan menyeluruh.

Mohd Army (2011) pula melalui kajian tesis sarjana yang bertajuk, ‘Pengajian Hadith di Madrasah Miftah al-Ulum Sri Petaling, Kuala Lumpur’ membuktikan bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap ilmu hadith dan pengajiannya adalah cemerlang dan amat membanggakan. Kajian ini turut merumuskan pihak pentadbiran madrasah, guru-guru pengajian hadith dan kurikulumnya sewajarnya memainkan peranan penting dalam memantapkan persetujuan tersebut sehingga lebih berkesan agar mencapai matlamat yang amat bermakna.

Manakala Rorsuedee (2007) mengemukakan sejarah pengajian hadith pada zaman Rasulullah SAW, sahabat, *tabi' tabi'in*, adab dan juga syarat-syarat pengajian hadith. Selain itu, beliau juga mendedahkan bidang pengajian hadith dan bahan panduan pengajian hadith, di samping mengutarakan secara ringkas berkaitan pengajian hadith di sekolah yang memfokuskan kajian terhadap Sekolah Menengah Islam al-Amin selaku lokasi kajian yang diikuti dengan pendedahan yang sangat berguna seperti sejarah sekolah terbabit, falsafahnya, sistem pembelajarannya, sukanan pelajaran hadith dan ulum hadith SPM. Kajian tesis sarjana yang bertajuk, ‘Pengajian Hadith: Satu Kajian di Sekolah Menengah

Islam al-Amin Gombak, Selangor’ ini turut membuat penyelidikan dengan mengemukakan soal selidik kepada responden daripada kalangan pelajar dan guru untuk mendapatkan maklumat yang berguna dalam pengajian hadith.

Sementara itu, tesis sarjana Suhaimi (2006) yang berjudul, ‘Pengajian Hadith di Negeri Perak: Suatu Kajian di Sekolah Menengah Agama Izzudin Shah, Ipoh’ mendedahkan secara ringkas pengajian hadith di Malaysia yang memfokuskan pada surau, masjid, pondok, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia. Kajian ini juga mengemukakan sejarah pengajian hadith di negeri Perak dan di Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah (SIS) sebagai lokasi kajian yang diikuti pendedahan yang amat berguna seperti sejarah sekolah terbabit, falsafah, sistem pembelajaran, sukanan pelajaran hadith dan Ulum Hadith dan juga Sijil Tinggi Agama Islam Malaysia (STAM).

Ismael (2006) menerusi kajian tesis sarjananya yang berjudul, ‘Pengajian Hadith di Indonesia: Satu Kajian di Madrasah al-Jam‘iyyah al-Wasliyyah, Medan Sumatera Utara, Indonesia’ menghuraikan sejarah pengajian hadith di Indonesia dan sistem pendidikan pondok dan madrasah secara umum, di samping meneliti lakaran sejarah penubuhan dan pembangunan al-Jam‘iyyah al-Wasliyyah sebagai lokasi kajian dan beberapa peranan atau sumbangannya terhadap masyarakat. Justeru, kajian ini turut mendedahkan sistem pendidikan dan pengajian hadith seperti ceramah, hafalan, penterjemahan, *istinbat* hukum dan sebagainya di madrasah tersebut.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang dilakukan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu. Universiti ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana ia merupakan sebuah pusat pengajian tinggi Islam yang memfokuskan kepada pengajaran dan penyelidikan ilmu-ilmu Islam yang diharmonikan dengan ilmu-ilmu konvensional. Pelajar diploma semester 1, 2, 4 dan 6 telah diambil untuk menjadi sampel bagi tujuan kajian. Jumlah sampel yang diambil merangkumi 132 orang pelajar daripada jumlah keseluruhan 206 orang pelajar diploma Pengajian Islam yang mengambil mata pelajaran hadith di UniSZA. Instrumen borang soal selidik merupakan instrumen utama dalam kajian ini. Item-

item soalan dibina dan diadaptasi daripada pengkaji terdahulu dengan menggunakan kaedah pemungutan data secara skala jawapan jenis *likert* lima mata sebagai skala jawapan responden.

Data yang diperoleh daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS dan dapatkan kajian dihuraikan dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif. Data dianalisis untuk mengetahui tahap pengetahuan dan persepsi pelajar terhadap pengajian hadith dalam kalangan responden. Lima tahap skor min telah ditetapkan untuk mengkategorikan tahap, iaitu ‘sangat tinggi’, ‘tinggi’, ‘sederhana’, ‘rendah’ dan ‘sangat rendah’. Kaedah penentuan tahap skor min ini adalah bersumberkan daripada karya Alias (1997). Jadual 1 di bawah memaparkan tahap skor min berserta kategori tahap pengetahuan dan persepsi pelajar terhadap metodologi pengajian hadith.

JADUAL 1. Tahap Skor Min dan Kategori Tahap Pengetahuan dan Persepsi Pelajar terhadap Metodologi Pengajian Hadith

| Aspek Nilai   | Skor Min | Tahap         |
|---|----------|---------------|
| Tahap pengetahuan pelajar                                 | 4.23     | Sangat tinggi |
| Persepsi pelajar terhadap masalah dalam pengajaran hadith | 2.49     | Rendah        |
| Persepsi pelajar terhadap metode pensyarah                | 4.09     | Tinggi        |
| Persepsi pelajar terhadap cara mengatasi masalah          | 4.25     | Sangat tinggi |
| Jumlah keseluruhan  | 4.35     | Sangat tinggi |

SUMBER. Soal Selidik 2015

Kajian rintis telah dilakukan ke atas 30 orang pelajar UniSZA. Nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi tahap pengetahuan pelajar terhadap pengajian hadith ialah 0.661, nilai bagi persepsi pelajar terhadap metodologi pensyarah ialah 0.920, persepsi pelajar terhadap masalah-masalah dalam pengajian hadith ialah 0.794 dan konstruk bagi persepsi pelajar terhadap cara-cara mengatasi masalah dalam pengajian hadith ialah 0.777. Nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi keseluruhan item soalan borang kaji selidik berada pada tahap tinggi, iaitu 0.802.

## HASIL KAJIAN

### LATAR BELAKANG DEMOGRAFI RESPONDEN

Kajian ini melibatkan 123 orang responden daripada FKI, UniSZA, Kuala Terengganu. Jadual 2 menunjukkan responden terdiri daripada pelbagai

jabatan seperti Jabatan al-Qur'an dan al-Sunnah serta Jabatan Pentadbiran Islam dan Syariah dari semester 1, 2, 4 dan 6. Majoriti responden yang terlibat adalah datang dari latar belakang pendidikan agama, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan kebanyakannya mereka memperoleh pencapaian tinggi dalam subjek al-Qur'an dan al-Sunnah ketika di peringkat SPM. Dari aspek pendidikan tertinggi ibu bapa mendapat bidang lain-lain adalah tertinggi. Manakala berdasarkan aspek penggunaan masa lapang di rumah atau asrama kebanyakannya adalah menolong ibu bapa. Kepelbagaiannya ini bertujuan agar pandangan yang diberi mewakili semua golongan pelajar.

JADUAL 2. Taburan Profil Responden Kajian

| Latar belakang pelajar                          | Maklumat                          | Kekerapan | Peratusan (%) |
|---|-----------------------------------|-----------|---------------|
| Jantina   | Lelaki                            | 36        | 29            |
|   | Perempuan                         | 87        | 70            |
| Jabatan   | Al-Qur'an dan al-Sunnah           | 95        | 77.2          |
|   | Pentadbiran Islam                 | 20        | 16.3          |
|   | Syariah                           | 8         | 6.5           |
| Semester  | Semester 1                        | 11        | 1.6           |
|   | Semester 2                        | 53        | 43.1          |
|   | Semester 4                        | 32        | 26            |
|   | Semester 6                        | 36        | 29.3          |
| Pendidikan sebelum UniSZA                       | Sekolah menengah kebangsaan       | 14        | 11.4          |
|   | Sekolah menengah kebangsaan agama | 102       | 82.9          |
|   | Sekolah swasta                    | 7         | 5.7           |
| Pencapaian                                      | A                                 | 99        | 80.5          |
| Al-Qur'an & al-Sunnah SPM                       | B                                 | 20        | 16.3          |
|   | C                                 | 4         | 3.3           |
| Tahap pengajian tertinggi ibu bapa              | Pengajian Islam                   | 19        | 15.4          |
|   | Undang-undang                     | 1         | 8             |
|   | Pendidikan                        | 35        | 28.5          |
|   | Ekonomi                           | 9         | 7.3           |
|   | Pengurusan                        | 7         | 5.7           |
|   | Perubatan                         | 2         | 1.6           |
|   | Kejuruteraan                      | 11        | 8.9           |
|   | Lain-lain                         | 393       | 1.7           |
| Pekerjaan ibu bapa                              | Guru                              | 35        | 28.5          |
|   | Pensyarah                         | 5         | 4.1           |
|   | Pengurus                          | 1         | 0.8           |
|   | Kakitangan kerajaan               | 31        | 25.2          |
|   | Berniaga                          | 19        | 15.4          |
|   | Lain-lain                         | 32        | 26            |
| Penggunaan masa biasa dilakukan di rumah/asrama | Menolong ibu bapa                 | 53        | 43.1          |
|   | Mengulang kaji pelajaran          | 27        | 22            |
|   | Membuat kerja rumah               | 10        | 8.1           |
|   | Menonton TV                       | 28        | 22.8          |
|   | Lain-lain                         | 5         | 4.1           |

SUMBER. Soal Selidik 2015

### TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR TERHADAP PENGAJIAN HADITH

Persepsi responden mengenai pengetahuan mereka terhadap pengetahuan hadith dapat dilihat dengan nyata di bahagian ini. Jadual di bawah menunjukkan skor min yang tinggi untuk tahap pengetahuan pelajar terhadap pengajian hadith. Secara keseluruhan pula dapat dirumuskan tahap pengetahuan responden terhadap pengajian hadith ialah 4.23 dan diinterpretasikan sebagai berada pada tahap yang tinggi.

Analisis tahap pengetahuan pelajar terhadap pengajian hadith terdapat dalam Jadual 3 dan dapatkan kajian menunjukkan kebanyakan responden berada pada tahap skor min pengetahuan pengajian

hadith yang tinggi. Dapatkan kajian ini mendapati tahap pengetahuan pelajar terhadap pengajian hadith berada pada tahap yang baik.

### PERSEPSI PELAJAR TERHADAP MASALAH DALAM PENGAJARAN HADITH

Sebanyak tujuh persoalan telah ditimbulkan dalam bahagian ini untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap masalah dalam pengajaran hadith. Skor min yang paling rendah ialah 2.19 manakala skor min di tahap sederhana ialah 2.69 dan semua item berada pada tahap skor min yang rendah dengan nilai purata 2.49.

JADUAL 3. Tahap Pengetahuan Pelajar terhadap Pengajian Hadith

| No.    | Item  | Sangat tidak setuju | Tidak setuju | Tidak pasti   | Setuju        | Sangat setuju | Min  | Sisihan piawai | Tahap         |
|--------|---|---------------------|--------------|---------------|---------------|---------------|------|----------------|---------------|
| 1      | Pengajian hadith dianggap satu ibadah dalam Islam.  | 1<br>(0.8%)         | 0            | 9<br>(7.3%)   | 45<br>(36.6%) | 68<br>(55.3%) | 4.46 | .704           | Sangat tinggi |
| 2      | Melalui pengajian hadith dapat difahami al-Qur'an secara lebih mendalam.                        | 0                   | 1<br>(0.8%)  | 5<br>(4.1%)   | 32<br>(26.0%) | 85<br>(69.1%) | 4.63 | .604           | Sangat tinggi |
| 3      | Berwuduk sebelum mempelajari hadith adalah sunat.   | 2<br>(1.6%)         | 11<br>(8.9%) | 35<br>(28.5%) | 44<br>(35.8%) | 31<br>(25.2%) | 3.74 | .990           | Tinggi        |
| 4      | Menghafal hadith menjadi satu kewajipan bagi saya dalam pengajian hadith.                       | 1<br>(0.8%)         | 6<br>(4.9%)  | 27<br>(22.0%) | 52<br>(42.3%) | 37<br>(30.1%) | 3.96 | .891           | Tinggi        |
| 5      | Sistem berguru ( <i>talaqqi</i> ) adalah wajib bagi saya dalam pengajian hadith.                | 2<br>(1.6%)         | 3<br>(2.4%)  | 22<br>(17.9%) | 54<br>(43.9%) | 42<br>(34.1%) | 4.07 | .875           | Tinggi        |
| 6      | Melalui pengajian hadith dapat diistinbatkan banyak hukum yang terdapat dalam sumber kedua ini. | 2<br>(1.6%)         | 3<br>(2.4%)  | 11<br>(8.9%)  | 52<br>(42.3%) | 55<br>(44.7%) | 4.26 | .848           | Tinggi        |
| 7      | Pengetahuan bahasa Arab menjadi bahan yang penting dalam pengajian hadith.                      | 1<br>(0.8%)         | 2<br>(1.6%)  | 4<br>(3.3%)   | 40<br>(32.5%) | 76<br>(61.8%) | 4.53 | .717           | Sangat tinggi |
| Jumlah |   |                     |              |               |               |               | 4.23 |                | Tinggi        |

SUMBER. Soal Selidik 2015

JADUAL 4. Persepsi Pelajar terhadap Masalah dalam Pengajaran Hadith

| No.    | Item   | Sangat tidak setuju | Tidak setuju  | Tidak pasti   | Setuju        | Sangat setuju | Min  | Sisihan piawai | Tahap     |
|--------|--|---------------------|---------------|---------------|---------------|---------------|------|----------------|-----------|
| 1      | Saya sukar memahami subjek hadith.   | 22<br>(17.9%)       | 47<br>(38.9%) | 22<br>(17.9%) | 28<br>(22.8%) | 4<br>(3.3%)   | 2.55 | 1.125          | Rendah    |
| 2      | Saya tidak berminat mempelajari ilmu hadith.                                       | 40<br>(32.5%)       | 41<br>(33.3%) | 24<br>(19.5%) | 15<br>(12.2%) | 3<br>(2.4%)   | 2.19 | 1.097          | Rendah    |
| 3      | Peralatan pengajian untuk belajar hadith tidak mencukupi.                          | 31<br>(25.5%)       | 26<br>(29.9%) | 24<br>(19.5%) | 29<br>(23.6%) | 3<br>(2.4%)   | 2.49 | 1.176          | Rendah    |
| 4      | Saya tidak mampu menguasai bahasa Arab.  | 22<br>(17.9%)       | 30<br>(24.4%) | 37<br>(30.1%) | 32<br>(26.0%) | 2<br>(1.6%)   | 2.69 | 1.095          | Sederhana |
| 5      | Keadaan di dalam kelas tidak kondusif (ramai dan tidak fokus).                     | 29<br>(23.6%)       | 34<br>(27.6%) | 16<br>(13%)   | 34<br>(27.6%) | 10<br>(8.1%)  | 2.69 | 1.319          | Sederhana |
| 6      | Kitab/buku yang digunakan di dalam kelas tidak sesuai dengan tahap pengajian saya. | 34<br>(27.6%)       | 37<br>(30.1%) | 24<br>(19.5%) | 25<br>(20.3%) | 3<br>(2.4%)   | 2.40 | 1.165          | Rendah    |
| 7      | Metode pengajaran pensyarah membosankan saya.                                      | 39<br>(31.7%)       | 29<br>(23.6%) | 24<br>(19.5%) | 25<br>(20.3%) | 3<br>(2.4%)   | 2.43 | 1.262          | Rendah    |
| Jumlah |  |                     |               |               |               |               | 2.49 |                | Rendah    |

SUMBER. Soal Selidik 2015

**PERSEPSI PELAJAR TERHADAP  
METODOLOGI PENSYARAH DALAM  
PENGAJIAN HADITH**

dipaparkan dalam Jadual 5 di bawah. Skor min yang paling rendah ialah 3.51, manakala skor min paling tinggi dengan nilai purata min berada pada tahap tinggi dengan min 4.63.

Dapatkan kajian berkenaan persepsi pelajar terhadap metodologi pensyarah dalam pengajian hadith

JADUAL 5. Persepsi Pelajar terhadap Metodologi Pensyarah dalam Pengajaran Hadith

| No. | Item  | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju  | Tidak Pasti   | Setuju        | Sangat Setuju | Min  | Sisihan Piawai | Tahap         |
|-----|---|---------------------|---------------|---------------|---------------|---------------|------|----------------|---------------|
| 1   | Pensyarah mengucapkan basmalah bagi setiap permulaan pengajian.   |                     |               | 6<br>(4.9%)   | 48<br>(39.0%) | 69<br>(56.0%) | 4.51 | .592           | Sangat tinggi |
| 2   | Pensyarah menggunakan alat bantu mengajar semasa pembelajaran.    |                     | 2<br>(1.6%)   | 7<br>(5.7%)   | 51<br>(41.5%) | 63<br>(51.2%) | 4.42 | .678           | Sangat tinggi |
| 3   | Pensyarah memperdengarkan bacaannya dengan terang dan betul.      |                     |               | 2<br>(1.6%)   | 42<br>(34.1%) | 79<br>(64.2%) | 4.63 | .518           | Sangat tinggi |
| 4   | Pensyarah memberi peluang kepada saya untuk membaca hadith.       | 5<br>(4.1%)         | 18<br>(14.6%) | 49<br>(39.8%) | 51<br>(41.5%) |               | 4.19 | .833           | Tinggi        |
| 5   | Pensyarah memberi huraian hadith dengan lengkap dan jelas.        |                     | 1<br>(0.8%)   | 7<br>(5.7%)   | 47<br>(38.2%) | 68<br>(55.3%) | 4.48 | .645           | Sangat        |
| 6   | Pensyarah membincangkan hal-hal berkaitan dengan tajuk.           |                     |               | 11<br>(8.9%)  | 38<br>(30.9%) | 4<br>(60.2%)  | 4.51 | .657           | Sangat tinggi |
| 7   | Pensyarah menggalakkan kami berbincang di dalam kelas.            | 1<br>(0.8%)         | 6<br>(4.9%)   | 45<br>(36.6%) | 71<br>(57.7%) |               | 4.51 | .632           | Sangat tinggi |
| 8   | Pensyarah sentiasa memberi kami latihan pelajaran di dalam kelas. | 9<br>(7.3%)         | 20<br>(16.3%) | 49<br>(39.8%) | 45<br>(36.6%) |               | 4.06 | .908           | Tinggi        |

|        |   |             |               |               |               |               |      |               |        |
|--------|---|-------------|---------------|---------------|---------------|---------------|------|---------------|--------|
| 10     | Pensyarah sentiasa membuat kesimpulan ringkas di akhir pelajaran.                     | 1<br>(0.8%) | 12<br>(8.1%)  | 52<br>(42.3%) | 60<br>(48.8%) | 4.39          | .673 | Sangat tinggi |        |
| 11     | Pensyarah memberi penilaian mengenai kefahaman saya.                                  | 2<br>(1.6%) | 34<br>(27.6%) | 49<br>(39.8%) | 38<br>(30.9%) | 4.00          | .810 | Tinggi        |        |
| 12     | Pensyarah mengadakan soalan terbuka kepada pelajar.                                   | 3<br>(2.4%) | 13<br>(10.6%) | 52<br>(42.3%) | 55<br>(44.7%) | 4.29          | .755 | Tinggi        |        |
| 13     | Pensyarah menceritakan sejarah pengajian sahabat.                                     | 5<br>(4.1%) | 10<br>(8.1%)  | 57<br>(46.3%) | 51<br>(41.5%) | 4.25          | .755 | Tinggi        |        |
| 14     | Pensyarah menceritakan sejarah pengajian para imam hadith.                            | 2<br>(1.6%) | 23<br>(18.7%) | 21<br>(17.1%) | 45<br>(36.6%) | 32<br>(26.0%) | 4.15 | .769          | Tinggi |
| 15     | Pensyarah mewajibkan saya untuk menghafal hadith.                                     | 3<br>(2.4%) | 21<br>(17.1%) | 24<br>(19.5%) | 44<br>(35.8%) | 31<br>(25.2%) | 3.67 | 1.106         | Tinggi |
| 16     | Pensyarah memperkenalkan kitab-kitab klasik dan <i>turath</i> .                       |             | 5<br>(4.1%)   | 13<br>(10.6%) | 63<br>(51.2%) | 42<br>(34.1%) | 3.64 | 1.110         | Tinggi |
| 17     | Pensyarah menggunakan kaedah <i>imla'</i> ketika pengajaran.                          | 2<br>(1.6%) | 14<br>(11.4%) | 40<br>(32.5%) | 45<br>(36.6%) | 22<br>(17.9%) | 3.58 | .967          | Tinggi |
| 18     | Pensyarah selalu membetulkan bacaan dan kefahaman saya.                               |             | 5<br>(4.1%)   | 22<br>(17.9%) | 64<br>(52.0%) | 32<br>(26.0%) | 4.00 | .779          | Tinggi |
| 19     | Pensyarah sentiasa menasihati saya jika berlaku kesalahan dalam pembelajaran.         |             | 7<br>(5.7%)   | 14<br>(11.4%) | 65<br>(52.8%) | 37<br>(30.1%) | 4.07 | .801          | Tinggi |
| 20     | Pensyarah mempamerkan kitab-kitab syarahan hadith.                                    | 1<br>(0.8%) | 20<br>(16.3%) | 25<br>(20.3%) | 45<br>(36.6%) | 32<br>(26.0%) | 3.71 | 1.054         | Tinggi |
| 21     | Pensyarah memberikan motivasi tentang kepentingan pengajian hadith.                   | 2<br>(1.6%) | 4<br>(3.3%)   | 13<br>(10.6%) | 61<br>(49.6%) | 43<br>(35.0%) | 4.13 | .849          | Tinggi |
| 22     | Pensyarah mengadakan pertandingan berkaitan pengajian hadith.                         | 4<br>(3.3%) | 15<br>(12.2%) | 23<br>(18.7%) | 42<br>(34.1%) | 39<br>(31.7%) | 3.79 | 1.118         | Tinggi |
| 23     | Pensyarah menyediakan kitab/buku yang sesuai dan mudah difahami untuk sesuatu subjek. | 2<br>(1.6%) | 8<br>(6.5%)   | 17<br>(13.8%) | 44<br>(35.8%) | 52<br>(42.3%) | 4.11 | .982          | Tinggi |
| 24     | Pensyarah menyelitkan unsur humor ketika sesi pembelajaran.                           | 1<br>(0.8%) | 16<br>(13.0%) | 29<br>(23.6%) | 43<br>(35.0%) | 34<br>(27.6%) | 3.76 | 1.027         | Tinggi |
| 25     | Pensyarah menyediakan artikel-artikel hadith untuk dijadikan bahan pembelajaran.      | 3<br>(2.4%) | 32<br>(26.0%) | 18<br>(14.6%) | 39<br>(31.7%) | 31<br>(25.2%) | 3.51 | 1.197         | Tinggi |
| Jumlah |   |             |               |               |               | 4.09          |      | Tinggi        |        |

SUMBER. Soal Selidik 2015

Berdasarkan item metodologi pensyarah dalam pembelajaran hadith, min keseluruhan bagi item ini ialah pada tahap tinggi dengan purata min 4.09. Ini menunjukkan responden mempunyai persepsi yang baik terhadap metode yang digunakan oleh pensyarah ketika proses pembelajaran.

#### PERSEPSI PELAJAR TERHADAP CARA MENGATASI MASALAH DALAM PENGAJIAN HADITH

Dapatkan kajian berkenaan cara mengatasi masalah dalam pengajian hadith dipaparkan dalam Jadual 6. Skor min yang paling rendah ialah 3.77, manakala skor min yang paling tinggi ialah 4.63 dan semua item berada pada tahap skor min yang sangat tinggi dengan nilai purata min berada pada tahap yang sangat tinggi dengan min 4.25.

JADUAL 6. Cara Mengatasi Masalah yang Dihadapi oleh Pelajar dalam Pengajian Hadith

| No.             | Item  | Tidak Setuju | Tidak Pasti   | Setuju        | Sangat Setuju | Min    | Sisihan Piawai | Tahap         |
|-----------------|---|--------------|---------------|---------------|---------------|--------|----------------|---------------|
| 1               | Saya sentiasa memahami subjek hadith.   | 9<br>(7.3%)  | 35<br>(28.5%) | 54<br>(43.9%) | 25<br>(20.3%) | 3.77   | .857           | Tinggi        |
| 2               | Saya mesti meningkatkan minat dalam mendalami ilmu hadith.                        | 5<br>(4.1%)  | 16<br>(13%)   | 56<br>(45.5%) | 46<br>(37%)   | 4.16   | .803           | Tinggi        |
| 3               | Alat-alat bantu mengajar hadith perlu mencukupi.                                  | 1<br>(0.8%)  | 13<br>(10.6%) | 58<br>(41.5%) | 51<br>(41.5%) | 4.29   | .686           | Tinggi        |
| 4               | Saya mesti menguasai bahasa Arab.   | 1<br>(0.8%)  | 7<br>(5.7%)   | 45<br>(46%)   | 70<br>(56.9%) | 4.50   | .645           | Sangat Tinggi |
| 5               | Keadaan kelas mesti sesuai dan fokus.   | 1<br>(0.8%)  | 5<br>(4.1%)   | 51<br>(41.5%) | 66<br>(53.7%) | 4.48   | .619           | Sangat tinggi |
| 6               | Pensyarah perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik minat pelajar.     | 1<br>(0.8%)  | 3<br>(2.4%)   | 36<br>(29.3%) | 83<br>(67.5%) | 4.63   | .576           | Sangat tinggi |
| 7               | Bahan rujukan kitab-kitab hadith di perpustakaan mesti ditambah dan dipelbagaikan | 2<br>(1.6%)  | 5<br>(4.1%)   | 29<br>(23.6%) | 87<br>(70.7%) | 4.63   | .644           | Sangat tinggi |
| Min keseluruhan |   |              |               |               |               | 4.3531 | .50766         | Sangat        |

SUMBER. Soal Selidik 2015

### TAHAP KESELURUHAN PENGETAHUAN DAN PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGAJIAN HADITH DI UNISZA

Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan responden terhadap pengajian hadith berada pada tahap tinggi dengan min sebanyak 4.23. Manakala, persepsi responden terhadap metodologi pensyarah dalam pengajian hadith berada pada tahap tinggi dengan nilai min sebanyak 4.09. Seterusnya, persepsi responden terhadap masalah dalam pengajaran hadith berada pada tahap rendah dengan min 2.49 dan persepsi responden terhadap cara mengatasi masalah yang dihadapi dalam pengajian hadith berada pada tahap sangat tinggi dengan nilai purata min sebanyak 4.25.

### IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN

Terdapat beberapa implikasi penting daripada dapatan ini. Antaranya ialah seperti berikut:

1. Tahap pengetahuan pelajar terhadap pengajian hadith berada pada tahap tinggi. Justeru, adalah menjadi satu perkara penting bagi pelajar untuk memahami kandungan pembelajaran hadith yang merupakan unsur terpenting untuk

menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Kefahaman yang jelas mengenai hadith membawa pelajar untuk mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

2. Para pelajar tidak mempunyai banyak masalah dalam pembelajaran hadith, sama ada yang melibatkan faktor dalam diri pelajar sendiri atau faktor luaran seperti suasana kelas, metode pengajaran pensyarah atau penggunaan kitab.
3. Pensyarah atau tenaga pengajar ialah agen penyampai maklumat kepada pelajar dan merupakan individu terpenting dalam usaha memberi galakan kepada pelajar untuk mempelajari ilmu hadith. Dengan dapatan yang diperoleh daripada kajian ini, pelajar berpendapat para pensyarah telah menggunakan metodologi yang bersesuaian dan diharapkan para pensyarah lebih bersemangat dalam menyampaikan ilmu kepada para pelajar dengan mempelbagaikan bentuk kaedah pengajaran yang menarik.
4. Tahap persepsi pelajar terhadap cara-cara mengatasi masalah dalam pembelajaran hadith berada pada tahap tinggi. Oleh itu, adalah menjadi satu perkara terpenting bagi para pelajar, pensyarah dan pihak tertentu agar dapat bersama-sama berusaha dalam meningkatkan mutu dan kualiti pengajian hadith di UniSZA.

## KESIMPULAN

Kajian ini mendapat keseluruhan tahap pengetahuan dan persepsi pelajar terhadap pengajian hadith dalam kalangan pelajar UniSZA, Kuala Terengganu berada pada tahap baik. Oleh itu, sebagai umat Islam sewajarnya kita menjadikan hadith sebagai pegangan dan amalan hidup. Mereka yang mempelajari hadith juga akan diberikan pahala oleh Allah SWT. Kajian ini diharap dapat membantu para pelajar universiti, pensyarah dan masyarakat untuk membudayakan ilmu pengajian hadith dalam kehidupan sehari-hari. Ini kerana hadith merupakan sumber rujukan kedua yang utama dalam Islam selepas al-Qur'an.

## RUJUKAN

- Alias Baba. 1997. *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Samsudin Muhammad Noor. 2004. Pengajian hadith di Kelantan: Satu kajian di institusi pengajian pondok. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hamzah Jummat. 2005. Kurikulum pembelajaran ilmu Hadith di madrasah-madrasah di Singapura pada masa ini. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismael Abd. Karim. 2006. Pengajian hadith di Indonesia: Satu kajian di Madrasah al-Jam'iyyah al-Wasliyyah, Medan Sumatera Utara, Indonesia. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Akhir Wahab. 2008. Pengajian hadith dalam KBSM: Kajian terhadap metodologi pengajaran di SMK Pauh Jaya Pulau Pinang. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Army Yusop. 2011. Pengajian hadith di Madrasah Miftahul Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Philips, Abu Ameenah Bilal. 2007. *Usool al-Hadeeth*. Riyad: International Islamic Publishing House.
- Rohaizan Baru. 2006. Perkembangan ilmu hadith di negeri Terengganu Darul Iman. *Jurnal Usuluddin* 23-24: 91-116.
- Rorsuedee Salaeh @ Rushdi Jubuky. 2007. Pengajian hadith: Satu kajian di Sekolah Menengah Islam al-Amin, Gombak, Selangor. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- al-Siba'i, Mustafa. 2010. *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tashri' al-Islami*. Bayrut: Dar Ibn Hazm.
- Suhaimi Abdul Wafir. 2007. Pengajian hadith di negeri Perak: Suatu kajian di Sekolah Menengah Agama Izzudin Shah, Ipoh, Perak. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- al-Tahhan, Mahmud. 2012. *Mustalah al-Hadith*. Karachi: al-Bushra Publishers.
- Nur Syahadah Mohamed  
Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA
- Mohd Akil Muhammed Ali  
Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
akil@ukm.edu.my

